



SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL
LADANG CHERSONESE
34350 KUALA KURAU, PERAK
Tel : 05-7276905 Fax : 05-7276905



Minit Mesyuarat Kurikulum Kali Kedua 2015

Tarikh : 29 Jun 2015
Masa : 2.00 pm – 5.00 ptg
Tempat : Pusat Sumber Sekolah
Pengerusi : En. Munusamy a/l Retnam
Guru Besar

Kehadiran

1. Munusamy a/l Retnam
Guru Besar
2. Jeya Santhy Nesan a/l Sabapathy
Guru Kanan Pentadbiran
3. Mathivanan a/l Muniandy
Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
4. Sivaneswaran a/l Selvaraj
Guru Kanan Ko-Kurikulum
5. Pn. Samundiiswary a/p Muniandy
6. Pn. Vikneswary a/p Paragaspathi
7. Cik Yogeswari a/p Danapal
8. Cik Premila a/p Rengasamy
9. En. Parthiban a/l Mutthaiya
10. Cik Parames a/p Uthaman

1.0 PERUTUSAN PENASIHAT(Guru Besar)

1.1 Ucapan alu-aluan

Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran guru-guru dan meminta guru-guru mencatat perkara-perkara yang dibincangkan.

Tindakan : SEMUA GURU

1.2 Mesyuarat Panitia

Pengerusi meminta semua panitia mengadakan mesyuarat masing-masing sebanyak bilangan yang sepatutnya.

Tindakan: KETUA PANITIA

1.3 Pencerapan

Pencerapan guru-guru sedang dijalankan

Tindakan : SEMUA GURU

1.4 Persediaan Buku Ringkasan Mengajar

Persediaan Buku Ringkasan Mengajar guru-guru adalah baik. Refleksi perlu ditulis.

Tindakan : SEMUA GURU

2.0 Ucapan PENGERUSI (Penolong Kanan Pentadbiran)

2.1 Ucapan alu-aluan

Ucapan terima kasih atas kehadiran guru-guru ke mesyuarat.

2.2 Dasar MMI

Dasar MMI menghendaki mesyuarat samaada kurikulum atau kokurikulum atau HEM mesti diadakan pada sebelah petang.

Tindakan: SEMUA GURU

2.3 Aktiviti Kurikulum

Banyak aktiviti kurikulum telah dijalankan pada penggal pertama. Terdapat kekuatan dan kelemahan pada aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Kelemahan-kelemahan tersebut perlulah diambil tindakan yang sepatutnya.

Tindakan : SEMUA GURU

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LALU BIL 1 TAHUN 2015

Minit mesyuarat dicadangkan untuk disahkan oleh Puan P. Vikneswari dan disokong oleh Encik M. Mathivanan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT (MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT YANG LEPAS)

4.1 Kebenaran keluar dari kawasan sekolah dan dasar-dasar kerajaan

4.1.1 Tuan Guru Besar meminta guru-guru menyatakan tempat yang dituju secara khusus ketika mengisi Borang Kebenaran Keluar Dari Kawasan Sekolah.

Tindakan : SEMUA GURU

4.2 NILAM

4.2.1 Cik Yogeswari memaklumkan bahawa NILAM Tahun 1 baru bermula

manakala NILAM bagi murid Tahun2 - 6 berjalan seperti biasa. Secara amnya, NILAM bagi kelas 4,5, dan 6 memuaskan..

**Tindakan : GURU BAHASA
MELAYU DAN INGGERIS**

5.0 ANALISIS PEPERIKSAAN (PERTENGAHAN TAHUN)

5.1 Pembentangan Peperiksaan Pertengahan Tahun

5.1.1 Cik R.Premila membentangkan keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2015 seperti Lampiran A. Beliau juga memohon para guru memberi tumpuan terhadap pelajar pelajar yang berada di tahap Galus.

5.1.2 Beliau menyatakan tiga peperiksaan percubaan UPSR akan dijalankan disusuli dengan program teknik menjawab.

5.1.3 Post Moertem Peperiksaan Petengahan Tahun rujuk lampiran 1 yang diedarkan.

5.1.4 Setiausaha Peperiksaan Cik Premila membentangkan keputusan dan analisis peperiksaan pertengahan tahun. Beliau menyatakan bahawa keputusan peperiksaan tahun tiga amat cemerlang dengan lulus penuh 100% dan GPS Kelas juga amat memuaskan. Iaitu 1.64. (Sila rujuk lampiran 2) manakala tahun 4 dan tahun 5 menunjukkan keputusan yang amat merisaukan di mana masing masing mempunyai GPS 3.31 dan 4.59.

5.1.5 Sehubungan dengan itu setiausaha peperiksaan pohon agar guru - guru yang mengajar tahun 4 dan 5 supaya memberikan perhatian khas bagi memperbaiki GPS kelas berkenaan

5.1.6 Peperiksaan UPSR bermula 8hb September 2015 hingga 10hb September 2015

Tindakan : SEMUA GURU

5.2 Mengetahui Maklumat Sistem Terkini

Tuan Guru Besar menyatakan bahawa guru-guru perlu mengetahui semua sistem-sistem terkini yang melibatkan guru-guru. Guru yang terlibat secara langsung dengan KSSR diminta merujuk kepada Cik Premila dan En. S.Jeya Santhy Nesan

Tindakan : GURU KSSR

6.0 ANALISIS LINUS

6.1 Pembentangan LINUS

Cik R.Premila memaklumkan bahawa Ujian Linus Saringan 1 telah dijalankan pada 1/03/15 hingga 17/04/15 dan keputusannya adalah seperti di Lampiran 3.

7.0 LINUS dan LINUS 2.0

Cik R. Premila memaklumkan bahawa guru-guru perlu menyediakan evidens bagi setiap saringan atau aktiviti yang dijalankan. Data perlu dimasukkan pada masa yang ditetapkan. Guru-guru perlu memastikan ada perubahan pada Saringan 2. Saringan bagi murid yang tidak hadir perlu diadakan di rumah murid berkenaan dan laporan perlu disediakan. Markah dan evidens perlu disimpan sehinggalah diarahkan untuk dihapuskan.

Tindakan : GURU LINUS

8.0 Pencerapan

Tuan Guru Besar menyatakan bagi tujuan pencerapan, guru-guru LINUS diminta menyediakan RPH Linus.

Tindakan : GURU LINUS

10. PENUTUP

10.1 Tuan Guru Besar mengucapkan terima kasih kepada semua guru

Mesyuarat ditangguhkan : 5.00 pm

Disediakan oleh

.....

JEYA SANTHY NESAN A/L SABAPATHY
Setiausaha Kurikulum
SJK(T) Ladang Chersonese

LAMPIRAN 2

PENCAPAIAN LINUS (SARINGAN 1)

KELAS	BIL . PELAJAR	LBM	LBI	NUMERASI
1 MALLIGAI	9	100%	100%	100%
2 TAMARAI	1	100%	100%	100%
3 ALLI	4	100%	100%	100%

